

Keliru antara dua pilihan

Gadis bakal berkahwin sering keluar dengan teman lelaki

Soalan

SAYA bakal melangsungkan perkahwinan dengan pilihan hati tidak lama lagi. Malangnya semakin menjelang tarikh akad nikah, hati saya semakin was-was. Kadangkala saya rasa masih terlalu muda dan belum habis berseronok menikmati zaman bujang dengan kawan-kawan.

Pada masa sama, saya ada seorang teman lelaki lain dan kerap keluar dengannya jika bakal suami tiada atau sibuk dengan kerja.

Dia sangat sayangkan saya tetapi tidak mengetahui saya bakal berkahwin. Sekarang, saya sudah mula mendiamkan diri dengannya kerana memikirkan persediaan untuk menjadi isteri yang setia, namun simpati dan sayang padanya masih ada. Saya



juga bimbang sekiranya bakal suami mengetahui saya curang selama ini.

Saya ada menyuarakan hasrat membatalkan perkahwinan dua bulan lalu, namun selepas dileteri bakal suami, saya diam. Saya akui bukanlah perempuan yang alim dan bertudung liput serta warak, namun berharap pasti tiba masanya berubah menjadi lebih baik demi masa depan.

Sekarang, saya selalu berasa diri ini tidak sesuai atau setanding untuk dipadankan dengan bakal suami kerana dia seorang yang baik, keluarganya juga baik dan selalu mengerjakan solat.

Kadangkala bakal suami juga seakan-akan terikut-ikut dengan perangai saya yang buruk. Saya takut seandainya perkahwinan ini menjadi perkara yang dikesali kelak.

Serba Salah Pahang

Jawapan

ALAM percintaan memang banyak dugaan dan cabaran, kadangkala kita sendiri tidak mampu mengawal atau menghindari perkara yang berlaku. Tetapi kesetiaan adalah akar dalam semua perhubungan, lebih-lebih lagi apabila bergelar suami atau isteri.

Tidak bertahan sesuatu perkahwinan atau hubungan tanpa kesetiaan dan kefahaman. Bagaimanapun, kita hanya mampu merancang

sedangkan Allah yang menentukan.

Pertama sekali pastikan yang adik betul-betul bersedia atau tidak untuk melangkah ke alam perkahwinan. Adakah adik bersedia untuk meninggalkan zaman bujang pada usia muda ini? Adakah adik mampu menjadi isteri yang baik jika berkahwin sekarang? Ini adalah beberapa persoalan yang adik kena tanya pada diri sendiri.

Hubungan cinta tiga segi adik menambah dilema. Dr ingin bertanya siapakah antara dua insan itu yang adik kenal sangat hati budinya? Mana adik rasa yang boleh membimbing ke jalan lurus? Siapakah yang lebih sesuai untuk bergelar seorang suami?

Dr memuji niat adik ingin berubah. Ini adalah satu sifat positif yang sangat mulia.

Adik kata tidak setanding dengan bakal suami, tetapi bukankah kalau kita ingin berubah perlu ada seorang 'pemandu' untuk membantu perubahan itu? Berbalik pada soalan tadi, lelaki mana yang lebih sesuai untuk membimbing adik?

Persoalan kahwin ini hanya adik yang mampu tentukan sama ada adik bersedia atau tidak. Dr doakan adik membuat keputusan yang betul. Apa yang bakal terjadi, cuma Allah yang tahu, tetapi perlu berusaha sendiri untuk menentukan nasib kita.

Remaja sedih dibuli majikan

Soalan

SAYA baru bekerja di sebuah syarikat swasta. Walaupun pada tahun lalu mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ditawarkan melanjutkan pelajaran, saya mengambil keputusan untuk bekerja. Tujuan saya untuk berehat sekejap daripada belajar dan mencari pengalaman bekerja.

Bagaimanapun, saya sedih kerana selepas beberapa bulan bekerja, saya lihat banyak ketidakadilan berlaku. Contohnya saya selalu dibuli majikan dan rakan sekerja. Mungkin mereka lihat saya tidak mempunyai kelulusan tinggi dan kurang pengalaman. Mereka tidak tahu saya pasti tidak bekerja lama dan mempunyai cita-cita melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi

hingga doktor falsafah.

Majikan selalu memarahi dan menganggap saya seperti kuli termasuk beberapa rakan sekerja, malah memandangnya hina kepada saya.

Walaupun saya masih muda, saya lihat ramai orang teraniaya dalam hidup. Orang yang lebih kuat dan berkuasa pasti cuba menindas yang lemah dengan membuli atau menghinakan. Ada kalanya, saya rasa dunia ini penuh dengan kekejaman dan ketidakadilan.

Sebelum ini, saya selalu fikir jika kita bersikap baik, orang pasti bersikap baik terhadap kita. Orang baik tidak dianiaya orang, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Orang baik selalu dianiaya. Ini sangat menyedihkan saya.

Jadi Mangsa
Kuala Lumpur



Jawapan

ANDAIAN kita sudah tentu mesti disayangi majikan atau rakan-rakan sekerja dan jika ini tidak berlaku, ia sesuatu yang tidak adil. Sementara beranggapan dunia adalah kejam satu pemikiran yang tidak rasional mengikut

Ellis.

Sebagai seorang ahli psikologi, Ellis berpendapat, manusia sering mempunyai kepercayaan tidak rasional seperti "saya perlu menjadi insan terbaik dan jika ini tidak berlaku, saya adalah orang yang teruk" atau "saya

mesti disayangi dan dapat segala apa yang diinginkan."

Pandangan bahawa orang yang melakukan tingkah laku kejam perlu dihukum juga pemikiran tidak rasional. Tingkah laku buruk orang lain tidak menjadikan mereka individu yang teruk.

Ellis juga percaya penilaian diri yang berterusan boleh membawa kepada kemurungan dan juga penafian untuk berubah. Cara terbaik untuk menjaga kesihatan mental dengan berhenti daripada berterusan memberi penilaian kepada diri.

Dalam kes ini, adik sedih kerana berasakan kekurangan dari segi kelayakan dan pengalaman. Sebenarnya, pekerja yang kurang pengalaman dan kelayakan akademik boleh melaksanakan tugas sebaik orang lain. Oleh itu, adik tidak perlu berasa sedih, sebaliknya lebih baik memberi fokus kepada bagaimana

mendapatkan persetujuan majikan untuk melakukan kerja adik.

Adalah lebih baik juga adik belajar untuk menyayangi majikan dan rakan sekerja daripada meminta untuk disayangi mereka. Tingkatkan ego dan beri tumpuan kepada sifat positif diri. Jangan terlalu menilai sifat negatif diri. Tukar pemikiran tidak rasional kepada pemikiran yang sihat. Nikmatilah kehidupan.

Niat adik untuk sambung belajar ke peringkat tertinggi sangat baik. Dr doakan adik tidak tenggelam dengan kesedihan dan pemikiran yang tidak rasional hingga melupakan niat untuk menyambung pelajaran.

Berbekalkan keputusan SPM yang cemerlang, Dr yakin ia permulaan baik untuk kejayaan dalam pelajaran dan seterusnya kerjaya dalam hidup adik nanti. Semoga berjaya.